# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA**

**ENCIK MOHD GHANI BIN DAUD**

**TOKOH SENI BUDAYA**

**OLEH:**


**WAN NUR MAISARAH BINTI NIK MOHAMED 2021846734**

**NUR ILI NAJ'AA BINTI ZAINUDIN 2021486122**


**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**

**IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 05 (SEPT 2023 – FEB 2024)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA**

**ENCIK MOHD GHANI BIN DAUD**

**TOKOH SENI BUDAYA**

**OLEH:**


| | |
|---|---|
| **WAN NUR MAISARAH BINTI NIK MOHAMED** | **2021846734** |
| **NUR ILI NAJ'AA BINTI ZAINUDIN** | **2021486122** |


**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**

**IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 05 (SEPT 2023 – FEB 2024)**

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Bersyukurnya kami kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan dari-Nya, maka kami telah dapat menyiapkan tugasan sejarah lisan ini dari awal hingga ke akhir tugasan dengan jayanya.Insyaallah, tugasan kerja kursus ini akan memberikan banyak manfaat kepada kami dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat tugasan ini dan juga di masa hadapan.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek "IMR 604 Oral Documentation" iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana tidak jemu memberi bimbingan, dorongan, dan tunjuk ajar cara-cara membuat tugasan ini mengikut kriteria yang ditetapkan.

Di samping itu, kami ingin mengucapkan ribuan banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Ghani yang turut membantu dan menerima pelawaan kami bagi menyiapkan tugasan ini. Tanpa kerjasama beliau mungkin kami tidak dapat menyiapkan tugasan ini.

Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan, kedua ibu-bapa kami. Tanpa sokongan mereka mungkin kami tidak dapat menyiapkan tugasan ini. Ini kerana untuk menyiapkan tugasan ini juga memerlukan motivasi, usaha, semangat dan juga cadangan.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menyiapkan tugasan ini. Hanya Allah sahaja dapat membalas budi kalian.

Sekian, terima kasih.

**ABREVIASI**

| SINGKATAN | MAKSUD |
|---|---|
| EMG | Encik Mohd Ghani |
| WNM | Wan Nur Maisarah |
| NIN | Nur Ili Naj'aa |
| PHD | Doctor of Philosophy |
| UITM | Universiti Teknologi Mara |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| JKR | Jabatan Kerja Raya |
| SMKIP KB | Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail Petra Kota Bharu |
| SIC | Sultan Ismail College |
| AMN | Ahli Mangku Negara |
| SMK | Seri Mahkota Kelantan |
| MP KB | Maktab Perguruan Kota Bharu |
| MP | Maktab Perguruan |
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris |

**RUJUKAN KATA**

| | |
|---|---|
| **Ata** | hantar |
| **Baloh** | gaduh |
| **Bekeng** | garang |
| **Bekki** | baiki |
| **Belaka** | semua |
| **Derak** | jalan-jalan |
| **Ginimo** | begini |
| **Jenero** | tidur |
| **Kijo** | kerja |
| **Koli** | kuli |
| **Kolumpur** | Kuala Lumpur |
| **Lagu mano** | macam mana |
| **Lepok** | lepak |
| **Maghi** | datang |
| **Mmasok** | memasak |
| **Muloh** | arwah |
| **Ngaja** | mengajar |
| **Ore** | orang |
| **Pahtu** | selepas itu |
| **Pitih** | duit |
| **Royak** | cakap |
| **Saem** | kawan |
| **Smace** | selalu |
| **Sor** | satu |

| | |
|---|---|
| **Soro** | suara |
| **Ugama** | agama |
| **Wapo** | berapa |
| **Wi** | beri |

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini dilakukan bersama Mantan Guru di Maktab Perguruan Kota Bharu iaitu Mohd Ghani Bin Daud untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai guru muzik. Temubual ini telah dijalankan di Pusat Kesenian Muzik Tradisional dan Galeri Wakaf Bharu Kelantan. Tarikh temubual tersebut pada 18 Disember 2023 bermula pada jam 8.33 pagi hingga 10.30 pagi. Encik Mohd Ghani Bin Daud merupakan guru gamelan yang berkhidmat di Maktab Perguruan Kota Bharu dan guru muzik di Sekolah Menengah Kebangsaan Ismail Petra. Encik Mohd Ghani Bin Daud mula bekerja dengan Maktab pada tahun 1980 sehingga tahun 2000. Tugas Encik Mohd Ghani Bin Daud tidak hanya terhad kepada jawatan di Maktab Perguruan Kota Bharu, Sekolah Menengah Kebangsaan Ismail Petra tetapi juga berkhidmat di Pusat Kesenian Muzik Tradisional yang terletak di Wakaf Bharu. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Encik Mohd Ghani Bin Daud semasa berkhidmat sebagai Guru Gamelan. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*

**Kata kunci:** *gamelan, muzik, kesenian, tradisional, temubual, sejarah lisan, seni kebudayaan*

# ABSTRACT

**Abstract:** *This interview was conducted with a former teacher at the Kota Bharu Teachers College, Mohd Ghani Bin Daud, to find out about his service in his career as a music teacher. This interview was conducted at the Traditional Music Art Center and Wakaf Bharu Gallery Kelantan. The interview date is 18 December 2023 starting at 8.33 am to 10.30 am. Mr. Mohd Ghani Bin Daud is a gamelan teacher serving at Kota Bharu Teachers College and a music teacher at SMK Ismail Petra. Mr. Mohd Ghani Bin Daud started working with the College in 1980 until 2000. Mr. Mohd Ghani Bin Daud's duties were not only limited to positions at Kota Bharu Teachers College, SMK Ismail Petra but also served at the Traditional Music Arts Center located in Wakaf Bharu. Various tests and challenges have been faced by Encik Mohd Ghani Bin Daud while serving as a Gamelan Teacher. The history of his life and career can be used as a source of inspiration for everyone.*

**Keyword:** *gamelan, music, art, traditional, interview, oral history, performing arts*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|


Penghargaan........................................................................................ i - ii

Abreviasi ........................................................................................... iii

Rujukan Kata ..................................................................................... iv - v

Abstrak ............................................................................................... vi -vii

Isi Kandungan...................................................................................... viii – ix

Biodata Tokoh...................................................................................... x – xiii

Pengenalan........................................................................................... xiv - xv

Transkrip

Bahagian 1: Latar Belakang, Pendidikan dan Kerjaya Awal................. 01 - 19

Bahagian 2: Sejarah/Pengalaman Gamelan......................................... 19 - 32

Bahagian 3: Sumbangan........................................................................ 32 - 33

Bahagian 4: Harapan............................................................................. 34 - 36

Lampiran

Log Wawancara..................................................................................... 38 - 43

Diari Kajian........................................................................................... 44 - 48

Senarai soalan........................................................................................ 49 - 58

Surat Perjanjian...................................................................................... 59 - 60

Gambar dan Sijil Penghargaan................................................................ 61 - 62

Indeks..................................................................................................... 63 - 67

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | |
|---|---|
| **Nama** | Hanafi @ Mohd Ghani Bin Daud @ Wan Daud |
| **Nama Samaran** | Cikgu Ghani |
| **Tarikh Lahir** | |
| **Tempat Lahir** | Kota Bharu |
| **Alamat** | Kelantan |
| **No. Telefon** | |
| **Profesion** | Guru Muzik Gamelan |
| **Bidang** | Seni Gamelan |

# BIODATA PENEMUBUAL

1. PENEMUBUAL PERTAMA



| | |
|---|---|
| **Nama** | Wan Nur Maisarah Binti Nik Mohamed @ Nik Mohamed |
| **Tarikh Lahir** | |
| **Tempat Lahir** | |
| **Alamat** | |
| **No. Telefon** | |
| **E-mel** | |
| **Program** | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Kepujian)<br>Pengurusan Sistem (IM245) |

2. PENEMUBUAL KEDUA



| | |
|---|---|
| **Nama** | Nur Ili Naj'aa Binti Zainudin |
| **Tarikh Lahir** | |
| **Tempat Lahir** | |
| **Alamat** | |
| **No. Telefon** | |
| **E-mel** | |
| **Program** | |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Sejak sekian lama, muzik gamelan Melayu telah menjadi sebahagian daripada masyarakat negara ini. Sesetengah orang berpendapat bahawa muzik ini berasal dari Pulau Jawa, Indonesia. Pada tahun 1800-an, di bawah pemerintahan Sultan Ahmad al-Muadzam Shah, gamelan Melayu mula dimainkan di Istana Pahang. Lebih daripada 60 buah lagu telah dicipta sepanjang perkembangannya, tetapi dipercayai bahawa hampir separuh daripadanya telah hilang. Sehingga kini, hanya 12 daripada 30 lagu yang masih tinggal selalu dimainkan.

Semasa majlis rasmi atau santai di istana, muzik gamelan biasanya dimainkan, terutamanya lagu Joget Pahang. Sembilan lelaki dan enam penari wanita terdiri daripada pemuzik. Gong agong, gong sawokan, gendang ibu, gendang anak, saron pekin, saron baron I dan baron II, gambang dan kenong adalah alat muziknya. Pada tahun 1973, Kerajaan Negeri Pahang membeli semula alat muzik gamelan yang dibawa ke Terengganu. Ia kemudiannya dipulangkan ke Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan, Pahang, di mana ia kekal sehingga hari ini. Walaupun gamelan masih boleh didengari pada masa ini, ia hanya digunakan pada majlis rasmi.

Sedikit pengenalan tentang tokoh kami ialah, tokoh kami bernama Encik Hanafi @ Mohd Ghani Bin Daud @ Wan Daud juga dikenali sebagai Cikgu Ghani. Beliau berumur 78 tahun, dilahirkan pada 18 Oktober 1945 di Atas Paloh, Kubang Pasu, Kota Bharu. Beliau dibesarkan di Tumpat oleh ibu bapa beliau. Beliau merupakan anak tunggal dan sudah berkahwin serta mempunyai tujuh orang cahaya mata. Beliau bermula dengan menjadi seorang guru sementara kemudian menjadi guru gamelan yang telah mempunyai banyak pengalaman dalam mengendalikan serta mempersembahkan sesuatu persembahan gamelan. Beliau sudah merantau ke banyak negara demi menuntut ilmu tentang muzik dan bukan sahaja muzik gamelan, tetapi muzik dalam seni lain juga seperti dikir barat, wayang kulit dan sebagainya.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup sebagai seorang tokoh dalam bidang gamelan. Bersama-sama kami ialah Cikgu Mohd Ghani yang merupakan seorang Cikgu Gamelan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 18 Disember 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 8.33 pagi bertempat di Pusat Kesenian Muzik Tradisional dan Galeri Wakaf Bharu, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Wan Nur Maisarah Binti Nik Mohamed dan Nur Ili Naj'aa Binti Zainudin. Dengan segala hormatnya temu bual ini dimulakan.**

**Petunjuk:**
**EMG**: Encik Mohd Ghani Bin Daud
**WNM**: Wan Nur Maisarah Binti Nik Mohamed
**NIN**: Nur Ili Naj'aa Binti Zainudin

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH, PENDIDIKAN DAN KERJAYA AWAL**

**WNM : Apakah nama penuh Tuan?**

EMG : Nama saya ialah Hanafi @ Mohd Ghani Bin Daud @ Wan Daud.

**WNM Apakah nama panggilan tuan di kalangan keluarga atau rakan kerja?**

EMG Di kampung *ni* [ini] orang panggil Cikgu *Nafi* [Hanafi], kalau di tempat kerja saya mengajar di Maktab Perguruan Kota Bharu dan di Sekolah Menengah Ismail Putra dulu *ore* [orang] panggil Cikgu Ghani. *Ore* [orang] panggil Cikgu Ghani ni ialah tempat kerja rasmi, Hanafi pun tempat rasmi juga. Dua-dua nama tu *ore* [ore] panggil tapi kadang-kadang *ore* [orang] panggil Cikgu Pi (ketawa kecil).

**WNM : Berapakah umur Tuan?**

EMG :

**WNM : Di mana Tuan dilahirkan dan dibesarkan?**

EMG : Saya dilahirkan di atas saya disitu, tapi saya dibesarkan di Kelantan. *Muloh* [Arwah] bapak saya tu dia jadi pekerja cina kedai Tumpat tu *ore* [orang] panggil kedai bata. (Bunyi gangguan burung) Dulu terkenal dengan kasut bata kan, dia *kijo* [kerja] situ. Tahu-tahu saya dibesarkan ada di situ, teringat-teringat *ado* [ada] di situ *doh* [dah] mungkin *dale* [dalam] tahun *wapo* [berapa] dalam *sembilan belas empat puluh lima* [1945] ke *sembilan belas empat puluh lapan* [1948] ke ingat *duk* [duduk] main-main situ. **Berapa**

**WNM : bilangan adik beradik Tuan dan Tuan anak yang ke?**

EMG : Saya cuma *seorang* [1 orang] sahaja (ketawa kecil), saya tiada adik-beradik jadi pertama pun saya, *last* [terakhir] pun saya, saya seorang diri sahaja tiada adik beradik.

**WNM : Boleh Tuan ceritakan sedikit latar belakang ibu dan ayah Tuan?**

EMG : Ok, ibu saya dia, – saya rasa saya tak pernah *tanyo* [tanya] dia *ore* [orang] mana tetapi saya rasa dia – asal dari Kampung Kuban Pasu. Kuban Pasu ni memang terkenal dengan tempat membuat makanan nasi berlauk ke rojak ke memang terkenal masa dulu-dulu. Bapa saya – Wan Daud tu asal di sini Kampung Surau Pasir Pekan di sini. Tapi ada masalah sikit jadi ibu saya berpisah dengan bapa sebenar saya, kahwin dengan satu lagi dinamakan Cikgu Daud, Daud jugak

(ketawa), jadi bagi saya *takdok bezo* [tiada beza]. Kedua-duanya menyayangi saya *belaka* [semua]. Daud tu saya besar dengan Daud jugak la.

WNM : **Adakah Tuan sudah berumah tangga dan berapa Tuan mempunyai cahaya mata?**

EMG : Alhamdulillah, saya dah kahwin, lepas bekerja *tiga* [3] tahun saya dah berkahwin. Allah bagi, ukiran *sembilan belas tujuh puluh dua* [1972] tahun *gitu* [begitu] kahwin. *Gumoloh* [Arwah] isteri saya bekerja di Pejabat Pendaftaran Negara di pejabat kad pengenalan di Kota Bharu. Jadi hasil perkongsian itu, kami dihadiahkan oleh Allah *tujuh* [7] orang anak. Nombor *satu* [1] yang sulung nama Munirah, sekarang ni dia mengajar di Maktab Perguruan Bahasa Antarabangsa di *Kolumpur* [Kuala Lumpur]. Alhamdulillah dia berjaya mendapat *PHD* [Doctor of Philosophy] di *England* dulu masa konvo dulu saya pun *gi* [pergi] ke England. Kemudian anak *kedua* [2] nama Mohd Hamdi bin Hanafi Al Ismat Mad Ghani (tunjuk diri sendiri) *ngajar* [mengajar] *wak* [buat] muzik dan Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Islah di Kota Bharu. Anak *ketiga* [3] (bunyi burung) ialah Mukhlisah, Mukhlisah dia *ngaja* [mengajar] di sekolah swasta di _ _ _ _ _ Mula-mula tu sekolah antarabangsa di Putrajaya kemudian sekarang ni dia tukar sekolah *gi* [pergi] ke sekolah antarabangsa jugak di Shah Alam Kuala Lumpur, cuma tak tanya nama penuh sekolah tu nama apa tak ingat nak tanya. Anak yang *keempat* [4], nama dia Maisarah. – sekarang mengajar di Sekolah Kebangsaan Seri Hartamas Kuala Lumpur. Sedap nama Hartamas tapi *takdok* [tiada] *pitih* [duit] jugak (ketawa). Kemudian anak yang *kelima* [5] ialah Madaha, banyak jadi guru sementara banyak tempat sebelum dapat *kijo* [kerja] tetap. Pernah *jugok* [juga]

mengajar di UiTM Machang. Haa daripada UiTM Machang, pasal agaknya sudah biasa dengan UiTM Machang lepastu minta jadi pensyarah boleh jadi pensyarah di UiTM di – Tapah. Dia kahwin dah, *takdok* [tiada] anak. Kemudian yang *keenam* [6] nama dia ialah Mukhrisah, mengajar di Sekolah *Cochrane* Kuala Lumpur. Yang bongsu Mursyida. Nak dapatkan nama tu bagitahu *ore* [orang] kata *dale* [dalam] perkataan melayu "Mursyid Mursyid" *soro* [suara] meresik bunyi. (ketawa kecil). Perkenal dengan *namo* [nama] Mursyida. Jadi, *tok* [tidak] *kijo* [kerja] lagi. Tahun ni mintak *apply* [memohon] *doh* [dah] dengan Kementerian Pelajaran, jawapannya (bunyi motor lalu) kata nak dapat dah tapi belum dapat posting lagi di mana mengajar tak tahulah di Kuala Lumpur juga tak tahu tapi saya _ _ _ _ tiap hari supaya dia tu boleh mengajar dekat dengan rumah ni ertinya rumah ni pun *takdok* [tiada] orang, dia seorang saja saya pun tua dah jadi boleh tengokkan rumah ni *lepastu* [selepas itu] dia pun boleh muzik jugak tapi alat-alat muzik *banyok* [banyak] *kalu* [kalau] dia tidak ada, *sapo* [siapa] dia la nak jaga lagi. Jadi tadi saya ada kata anak nombor *dua* [2] lah lelaki tu Mohd Hamdi namanya. Dia kahwin dah ada *empat* [4] orang anak. *Satu* [1] anak perempuan *tiga* [3] lelaki yang mengajar di Sekolah Islah Kota Bharu. *Lepastu* [selepas itu] anak *kelima* [5] yang mengajar di Seri Hartamas Kuala Lumpur tu dapat *satu* [1] anak. Jadi, cucu pun tok mari _ _ _ _ cukup tujuh 7 (ketawa kecil). Rasa boleh tangkap tak?? (tunjuk ke tablet)

**WNM : (angguk kepala) Apakah hobi Tuan pada masa lapang?**

EMG : Dulunya — hobi daripada budok-budok [budak-budak] sekolah rendah menengah derak [berjalan-jalan] main (ketawa). Kawan-kawan saya bagus-bagus, saya *jah*

[je] *hok* [yang] *tok* [tidak] bagusnya. Saya suka *cito* [cerita] bagitahu tak bagus saya nya macam mana. Kawan-kawan saya bagus *belaka* [semua], saya tak bagus sebabnye *saem* [kawan] saya tu belajar boleh kata *'top of the class'* sayanya *'last of the class'* (ketawa kecil) jadi saya tak malu bagitahu tu. Jadi dalam *empat puluh* [40] orang murid gak, nombor *empat puluh* [40] tu saya. Paling-paling tinggi boleh la *tiga puluh tujuh* [37] *tiga puluh lapan* [38]. Jadi tak tahu *lagu mano* [macam mana] nak *royak* [cakap] nya kalu nak baca buku lelap, baca buku *jenero* [tidur] (ketawa kecil). Tapi berkawan dengan kawan-kawan yang pandai-pandai. Saya pernah dimarahi oleh pada – masa saya *duk* [duduk] Tumpat kan, ditegur oleh cikgu-cikgu dia marah *kato* [kata] *"awok ni saya g mano jupo sentiasa awok"* [awak ni kalau saya pergi ke mana-mana mesti jumpa awak] ertinya kuat *bederak* [jalan-jalan]. Saya pun nak buat *ghano* [macam mana], macam tu je la. Petang-petang kawan-kawan keluar kita pergi tepi pantai duk *lepok* [lepak] tepi pantai, main buaian, main gelongsor, main _ _ _ _, main bola.

**WNM : Apakah cita-cita Tuan sewaktu kecik dahulu?**

EGM : (Suara burung sayup-sayup didengari) Saya dulu tak berani nak bercita-cita sebabnya kalu jadi cikgu _ _ _ _ ibarat kato *"bodoh aku ni"* (ketawa kecil). Mungkin saya ni jadi *koli-koli* [kuli] je punggah barang ke. Tapi, Allah Maha Kaya dia bagi je rezeki saya, bagi juga kejayaan di akhir-akhir. Masa di sekolah dulu saya kuat berlari, *sprinter* [pelari pecut], kalu di sekolah menengah *form* 5 [tingkatan lima] pernah dinobatkan sebagai olahragawan (bangga) tapi *ngaji* [belajar] tak pandai (ketawa). Jadi, apa-apa pun kalu tak jadi *koli* [kuli], jadi askar saja sebab saya kuat berlari, kuat bermain, (bunyi tablet ditarik dari atas sofa),

boleh pergi buting, boleh macam-macam lagi *sabit* [berkaitan] dengan fizikal nya. Dulu *kalu* [kalau] hujung minggu, saya berlari *cross country* [merentas desa] _ _ _ _ daripada Tumpat tu ke Pengkalan Kubor *uley* [ulang] alik. Haa takpo, kalau *baco* [baca] buku takleh (ketawa). Nak jadi askar katanya tapi pakai cermin mata, kemudian macam mana tak tahu lah. _ _ _ _ belajar kelas, orang lain naik kelas saya tak naik kelas, tak pandai. Saya cuba cerita la sekarang ni dulu saya tak bagitahu malu (ketawa kecil). Lepas SPM tak lulus, lepas tu pergi *skoloh* [sekolah] *private* [persendirian] (Kelantan English School Kota Bharu). Masa tu, jambatan tengah buat, saya (bunyi burung) kayuh basikal daripada Tumpat mari ke Kota Bharu kayuh basikal. Takpe kayuh basikal jauh-jauh takpe. Kadang-kadang *kalu* [kalau] nasib baik ada lori JKR (Jabatan Kerja Raya) kan, tumpang lori angkat-angkat basikal naik atas lori (ketawa). Seronok juga saya rasa, *adventurous* [mencabar] juga nak hidup gak. Lepastu dapat tak lulus lepastu bagi cabaran, entah macam mana saya terjumpa dengan seorang tok guru, dia kata *"awak kena baca yassin tiap-tiap pagi alik malam la. Baca Yassin sapa Mubin start [mula] semula, baca pulak lepas mubin satu lagi pulok start semula"*. Jadi berapa kali start [mula] saya buat la, lepas subuh saya buat, jadi itu mungkin salah satunya hikmah Allah tolong. Akhirnya, belajar pun tak berapa ngantuk mana. Jadi rasa boleh la gred *dua* [2] (ketawa). Mintak la jadi askar, gi [pergi] panggil temuduga, Kuala Lumpur, Sungai Besi gi temuduga sana tapi pakai cermin mata aiyaa (suara kecewa). Tak lulus la pasti mugo [sebab] pakai cermin mata siapa-siapa boleh gred *dua* [2] balik. Itu pada tahun *enam puluh enam* [1966], buka guru sementara di Kelantan ni saya mintak, alhamdulillah saya boleh berjaya jadi guru

sementara di Sekolah Menengah Rendah Kuala Krai. Saya duduk di Kota Bharu *kelik* [balik] Tumpat masa tu boleh ngaja di Sekolah Menengah Rendah Kuala Krai. Sapa harini pun ada *contact* [berhubung] lagi dengan budak-budak tu dalam *group* [kumpulan]. Selepas itu, (bunyi tablet dialih), buka Maktab, saya mintak alhamdulillah biar gred *dua* [2] saya berjaya masuk Maktab Perguruan Bahasa Kuala Lumpur (Language Institute) di Lembah Pantai. Jadi disabitkan itu, Allah bagi _ _ kepada saya pengetua situ minggu *pertama* [1] ke minggu *kedua* [2] perjumpaan pelajar baru dengan dia, dia bagitahu "kita di sini nak buka kursus muzik, sesiapa nak boleh *audition* [ujibakat]". Saya pun wak muzik je mintak *audition* [ujibakat], alhamdulillah berjaya boleh mengikuti kursus muzik di situ latih sebagai cikgu muzik. Jadi menarik *hok* [yang] ngajar tu *pulok* [pula] bagus mengajar, saya ingat lagi guru *hok* [yang] mengajar saya *satu* [1] tu _ _ _ _ Suk Tiong cina, *pastu* [lepastu] *satu* [1] lagi Besejayatiraka. Jadi kita pun diajar *tiri* [teori] muzik gred *satu* [1] sapa gred *lima* [5] yang mana peperiksaannya dianjurkan oleh *Royal School of Music London England*. Jadi situ, lulus saya teori situ ada gred *lima* [5] teori. Jadi rasa megah jugak (bangga). *Betulan* [kebetulan] pula saya pergi berjumpa dengan seorang cikgu dari Kelantan dia — ahli muzik, dia belajar muzik dari seorang tokoh muzik di Kelantan, Abdullah Bukhari nama belajar violin. Jadi jumpa dengan dia, balik nanti awak pergi cari dia ni Abdullah Bukhari ni gi belajar muzik dengan dia. Jadi bila tahun keluar Maktab. Itu semua diatur oleh Allah belako la tu, dia pergi kursus satu _ _ _ _. Jadi terima kasih banyak bagi saya berjalan _ _ _ _ Maktab. Antara hok [yang] mula-mula saya gi [pergi] usahakan ialah jumpa dengan —, ore [orang] panggil dia professor tapi

kemahiran dia daripada _ _ _ _ Bukhari, saya belajar muzik dengan dia. Belajar *lima* [5] tahun dapat gred *lima* [5] violin teori. Jadi alhamdulillah, Allah tolong pulok [pula] lepas *graduate* [graduan] daripada MP Bahasa Kuala Lumpur tu, boleh mengajar sekoloh baru di sini. Sekolah baru buka, *satu haribulan satu tahun enam puluh sembilan* [1/1/1969] Sekolah Menengah Ismail Petra Kota Bharu, sekolah *premium school*. Takdok murid lagi, belum dibuka dia khas ambil pelajar-pelajar dari sekolah kebangsaan aliran melayu yang *top* punya. Kalau aliran inggeris Sultan Ismail College yang cemerlang situ, kalau aliran melayu hok [yang] baru bukak (batuk) SMKIP KB. Jadi saya bagitahu saya tak pandaikan, takut saya nak ngaja situ *"duk soh doh panda budok pado aku ni, aku ni tokpah smace"*. Untuk orang lain tu, bila tak berjaya tu jangan kata gagal, ada lagi peluang ruang ada lagi untuk kejayaan.

Jadi, — pergi Pejabat Pelajaran, kebetulan yang menjaga itu bahagian muzik ni ialah Nik Hassan Nik Abdul Rahman, penyelia itulah — di Jabatan Pendidikan Kelantan bagitahu Nik Hassan. Kalu [Kalau] boleh saya tak nak ngajar [mengajar] di SMKIP. SMKIP tu Sekolah Menengah Ismail Petra ya. Eh tak boleh, awak dipilih khas dah untuk duduk di situ. Dia dah percaya *kat* [dekat] saya jadi saya pun ho. Saya takut budak-budak ni sebab pandai budak daripada kita. Sebab tu saya buat rajin, saya buat kelas muzik (bangga), ni tingkatan *lima* [5] belajar di sekolah, tingkatan *empat* [4] belajar di SMKIP tu petang, tingkatan *lima* [5] pagi. Jadi, saya mengajar sebelah petang, saya beritahu kepada murid-murid sekolah itu, dua sesi. Awak yang mana nak belajar muzik, *maghi* [datang] sekolah pukul *dua belas* [12] tengah hari, saya ajar muzik. Haa macam tu. Itulah hari-hari nya.

Jadi saya percaya sangat dalam *ugama* [agama] kita, kita bagi, Allah bagi sesuatu kepada kita. Jadi kita mengajar, Allah bagi sesuatu kepada kita. Jadi, dengan apa dia — muzik *pulok* [pula] ada persembahan situ dan sini, jadi Allah bagi kita kepercayaan oleh rakyat jadi mustahak kita (gelak). Jadi kalau kita tak pandai, kita tak tolong orang, jadi kita tak ada apa. Ha lepastu, sekolah baru kan, nak rasmi sekolah, sekolah SMKIP dibuka pada *satu haribulan satu sembilan belas enam puluh sembilan* [1/1/1969], pada tahun *sembilan belas enam puluh lapan* [1968] saya ada di maktab, *sembilan belas enam puluh sembilan* [1969] mengajar di SMKIP, tak silap saya tahun *sembilan belas tujuh puluh* [1970] rasanya, nak rasmi sekolah tersebut, ada persembahan muzik. Jadi, seronok jugak. Tapi bagusnya budak-budak tu dia sentiasa buat perjumpaan budak masa dahulu. Mereka kata *"ni cikgu ingat tak pernah ajar kami lagu ni [ini]"* Jadi Alhamdulillah jadi ada ingatan *jugok* [juga] daripada budak-budak. Orang pun percaya kat kita, jadi saya jadi *key personnel* bila ada pesta muzik mana-mana dia *ambik* [ambil] saya menjadi — jawatankuasa untuk pertandingan. Laku saya rasanya bila ada *sedak* [sedap] sikit nya, rasa ada yang buat kita rasa kita berguna *jugak* [juga]. Selain daripada tu saya, di sekolah dulu, saya minat pengakap. Jadi, kalau hari minggu ke *takdok* [tidak] *gi* [pergi] mana-mana, kita pengakap kita buat sendiri buat *gi* [pergi] *camping* [berkelah] di Tumpat. Cari tempat kita *mmasok* [memasak] apa semua, jalan kaki. Dari Tumpat ke Kok Keli. *Gi* [pergi] *camping* [berkelah] tu jalan kaki haa, seronok la. Jadi, pada zaman sekolah pada *dua haribulan tiga sembilan belas tujuh puluh* [2/3/1970], maka kerajaan tubuhkan pasukan kadet polis. Jadi saya minat dengan bahagian begini, jadi saya *mintak*

[minta] jadi cikgu kadet polis, maka jadilah saya cikgu kadet polis, platon komander pasukan kadet polis SMKIP. Masa *tu* [itu] ada *empat* [4] buah sekolah sahaja yang ada kadet polis, SMKIP saya, SM Zainab, SM (fikir) Dato' Mahmud Tanah Merah dan satu lagi sekolah apa dah — SM Chung Hwa KB. Ha *empat* [4] buah sekolah sahaja ada. Jadi kalau banyak aktiviti apa-apa kadet polis, dia panggil kita naik lori polis, pergi situ pergi sini. Tak banyak mengajar (gelak) gi *camping* [berkelah], jadi boleh lari sikit daripada kita takut nak ngaja *gapo* [apa] tu tapi okay budak-budak tak tahu kita tak pandai, atas kita. Kalu ngaja muzik lama-lama pun tak berapa seronok. Saya pergi ke *camping* [berkelah], macam-macam ado. Jadi, lama-lama ditambahkan lagi pasukan kadet polis jadi saya tak ingat jadi berapa banyak. Kalu [kalau] hari keputeraan sultan kan ada perbarisan di padang merdeka KB kalu [kalau] kadet polis biasa dia amik daripada SMKIP, sekolah saya. Jadi tiap-tiap tahun baris saya jadi platon komander dari SMKIP KB. "Baris baris… sedia" hoktu [yang itu] berjalan kito pun "dari kiri cepat jalan" dengan pancaragam apa semua sekali. Seronok la kan, bagi saya, saya seronok mungkin bagi dia tak seronok. Ini kena dengan minat saya. Tahun *tujuh puluh empat* [1974] ada buka kursus muzik khas di Maktab Perguruan Ilmu Khas KL, saya pun mintak boleh berkursus sana selama *satu* [1] tahun di MPIK. Jadi seronok banyak pengalaman situ. Jadi nk *choir* [koir] ke gapo —- kerajaan bagi, MPIK untuk *wak-wak* [buat] persembahan *choir* [koir] nyanyi, _ _ _ _ baca quran sebentar nyanyi *choir* [koir] pernah peringkat kebangsaan gi [pergi] nyanyi *choir* [koir] nasyid di Stadium Merdeka. Bila keluar daripada situ, di situ saya jumpa ramai kawan-kawan saya, jumpa kawan baru, kawan apa dia ada sorang yang

selesanya dia masatu baru nak cipta lagu 'Guru Malaysia' jadi rakan saya di situ dia cipta lagu nama dia 'Hashim Bin Ahmad'. (Nyanyi) "Kami Guru Malaysia Berikrar dan Berjanji" ciptaan dia. Hashim Ahmad daripada Perlis. Juga saya berkenal masa tu sekali dengan saya juga ialah Murad, *gemuloh* [Arwah] *belaka* [semua] dah ni, Murad Abdul Hamid dia penyanyi September 5. Masa tu sebelum pada tu dia masuk ada pertandingan kugiran ke apa — masuk, dia dapat juara. Jadi boleh kenal kat sana. *Ore* [orang] hebat-hebat belaka. Daripada Johor pulak Ahmad Bin Hashim, pandai jugak muzik. Lepas kursus balik ke Kelantan jadi Kementerian Pelajaran arah yang mana *wak* [buat] kursus *setahun* [1 tahun] di MPIK terpaksa kena *gi* [pergi] jadi guru muzik beredar. Tidak *macey* [macam] *mulo* [dulu] *hok* [yang] duduk SMKIP satu hari dah, jadi saya jadi guru muzik beredar artinya satu hari di SMKIP, hari Ahad, hari *sena* [Isnin], hari Selaso kena pergi SM Sultan Ismail. Hari rabu khamis di SM Zainab KB. Jadi kebetulan saya, di SIC (Sultan Ismail College) pun ada pancaragam, saya jaga pancaragam situ. Haa seronok laa yang tu secara tak langsung saya boleh belajar saya tak bagitahu saya tak pandai la dalam ni, *gi* [pergi] curi ilmu *gitu* [begitu] saya main (ketawa kecil) kita boleh main. Lepastu *gi* [pergi] ke Sekolah Zainab, jadi ada cikgu pancaragam setahun tu ada gambar staff tu saya ada tiga gambar la. Di SMKIP ada saya, di Zainab ada saya (ketawa) di SIC pun ada saya. Jadi Allah tolong *blako* [belaka] saya, saya boleh katakan tak belajar, *gi* [pergi] curi ilmu gitu ha ye la ada askar — pencen berapa tahun duk *ngaja* [mengajar] pancaragam. Belum saya gi lagi ada dah askar duk *ngaja* [mengajar] pancaragam di SIC tu, jadi saya tengok dia ajar tu saya pun curi ilmu sikit jadi akhirnya bolehla saya nya, jadi itu

la saya bawak. Okay lepastu entah macam mana mari arahan *pulok* [pula] dari Jabatan daripada Kementerian Cikgu Muzik Malaysia ini kena *ngaja* [mengajar] sekolah rendah (ketawa) jadi takpo la dia tukar pulak saya, saya tak ingat tahun *brapo* [berapa]. Hari Ahad saya ngajar di SMKIP juga, hari *sena* [Isnin] Selaso ngajar di Sekolah Menengah Indera Putra KB Wakaf Mek Zainab ngajar muzik, hari Rabu Khamis ngajar di SKIP di kompleks sekolah-sekolah. Ngajar la saya situ hinggakan jadi _ _ _ _ Oleh kerana kebetulan pada masa tu yang saya ngajar di sana tu ada — saya percaya Allah *blaka* [semua] ketentuan guru besar di Sekolah Menengah Zainab Kota Bharu ialah Puan Hajah Rahmah Binti Hussain. Jadi dia tahu saya punya — prestasi kerja saya apa semua. Entah macam mana, jalan di Kota Bharu tu *jupo* [jumpa] dengan dia, masa tu mengajar di sekolah rendah. "Eh Ghani mari awok gi ngaja di Maktab Perguruan Kota Bharu la pulok" _ _ _ _ *keyboard* [papan kekunci] saya tak reti. Isi borang apa semua, *takdok* [tiada] temuduga apa terus ke sana mengajar di Maktab Perguruan Kota Bharu, *satu haribulan lapan sembilan belas lapan puluh* [1/8/1980] menjadi pensyarah muzik di Maktab Perguruan Kota Bharu. _ _ _ _. Okay, jadi pensyarah jadi naik pangkat dah la, naik *setakok* [satu tahap] pangkat tu boleh la. Tapi saya pun tak la pandai sangat. Jadi saya rasa *tokse* [taknak] saya jadi pensyarah muzik tapi budak-budak _ _ _ _ saya kena ajar sungguh supaya buah tangan saya tu boleh buat kerja. Jadi, biasanya tiap-tiap malam saya *gi* [pergi] ke Maktab Perguruan Kota Bharu mengajar muzik. Jadi cikgu muzik pasal kebanyakannya pergi — mohon jadi cikgu muzik, tak pandai muzik, tak belajar muzik. Jadi adalah tanggungjawab saya untuk menjadi cikgu muzik, *all out* kita mengajar muzik. Tapi ada sesetengah

orang ni bagus, ada *group* [kumpulan] jugak dulu-dulu cakap terima kasih sebab ajar kita. Jadi, semuanya boleh pakai ke harini. Seronok jugak sayanya, rasa kita jadi ada pernah *puok-puok* [geng-geng] dio mari *wak* [buat] *reunion* [perjumpaan semula] di sini, nak jumpa Cikgu Ghani. _ _ _ _ Saya rasa berbaloi, rasa puas hati anak murid ingat kita. Okay, — mengajar-mengajar, Allah tolong *pulok* [pula] bagi, buka biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di Amerika untuk muzik. Jadi, lepas pada tu sukacita saya bagitau, minat sangat anugerah-anugerah ni saya bila jadi cikgu kadet polis, rapat dengan polis, saya hantar permohonan melalui polis dapat pingat bakti. Kemudian pulaknya, sebelum temuduga tu, ada polis sedang minum di kedai kopi, dia tak tahu saya nak minta biasiswa apa, kalau nak dapat biasiswa mudah *bena* [sebenarnya] kalu ada pingat AMN. Dia tak tahu saya nak mintak apa, Allah bantu semua ni. Saya cukup percaya Allah punya itu. Okay saya pun *wi* [bagi] nama hantar kepada ketua polis Kelantan, tulis situ saya nak AMN. Dia hantar, boleh saya AMN. Lepas tu baru panggil — tahu kan AMN? Ahli Mangku Negara. _ _ _ _ yang mula-mula pingat bakti, *pahtu* [lepastu] AMN, tu ada comel situ alik kiri. Okay kemudian panggil temuduga, minta mohon, jadi nasib baik *gi* [pergi] temuduga tu Allah bagi ketentuan panel temuduga tu ialah Encik Nazri bin Ahmad ketua jabatan muzik MPIK. Jadi waktu MPIK, saya la rajin pergi tolong dia, fotostat ke saya tolong buat. Jadi agaknya dia ingat lagi jasa saya, lepas tu, ada saya bawak sijil AMN jadi tak banyak la soal. Jadi, bukan nak tanya apa tapi berebut nak tengok AMN (gelak kecil). Jadi akhirnya keputusan dapatla saya biasiswa melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat. Pergi buat di DePaul University di Chicago.

**WNM** **Berapa tahun belajar di sana?**

EGM 3 tahun,buat *first degree*. Saya tidak la buat PHD atau *master*, saya rasa *first degree* [Ijazah pertama] pun dah padan dah. Orang lain cerdik sungguh-sungguh boleh buat sampai *master*. Tahun pertama, tahun kedua, dia buat *bachelor of music* kemudian tahun ketiga dia buat sungguh-sungguh sampai *master* tak kisah la padan dah dengan *first degree* Alhamdulilah lah. Kita boleh bagi jasa, berkorban. Okay, tapi seronoknya boleh bawak isteri dan bawak 3 orang anak, anak sulung, anak kedua, anak ketiga, duduk di Chicago, belajar di DePaul University. Anak saya pun belajar sana juga, sekolah rendah. Okay *alright* [baiklah], lepas tu tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985], balik daripada Amerika dengan *degree bachelor of music*, ibaratnya Allah *belaka* [semua] menentukan, tak cari-cari pun. Ibaratnya, belum sampai lagi, Tuanku Mahkota dah tunggu kat rumoh. Kerabat Diraja Kelantan tunggu *doh* [sudah]. Mari rombongan "Cikgu, kita ni istana ni nak buat persembahan muzik ni nak cikgu ajar *choir* [koir]untuk Keputeraan Tuanku Sultan Ismail". *Sor* [satu] pulok pingat kata (ketawa terbahak-bahak) dah la dua dah, tambah *sor* [satu] lagi. Takkan tak bagi (ketawa). Lepastu ajarla, saya buat modal *choir* [koir] tu ada la belajar di MPIK haritu, nasib ingat lagi *choir* [koir] jadi wak *choir* [koir] tu.. Untuk kerabat-kerabat ni suka dio. Persembahan tu pulak raja-raja mari kata "cikgu, terima kasih kerana tolong, jadi *special* [istimewa] tahun ni". Jadi seronoklah kita nya, jadi baiklah kitanya dengan kerabat. Pegawai istana, Tengku Faisal, jadi baik saya dengan dia nak *gi* [pergi] balai besar tu bebas lah, *jupo* [jumpa] masuk *dale* [dalam] bilik balai besar, kalau tidak *payoh* [susah] jugak nak masuk. Jadi, selain

daripada tu pulak, terlebih bebas lagi bila ada bekas pelajar SMKIP mulo kerja disitu, jadi bebas saya. Tidak kita *gi* [pergi] ngaca [kacau] dia, kito pun takdok masa nok ngaca [kacau], borak-borak kosong-kosong (batuk). Okay, lepastu gitu *tiga* [3] ke *empat* [4] tahun saya pun tak ingat la lagu mana, tiap-tiap tahun *choir* [koir]. Sampai satu tahun, saya bagitau ke Tengku Faisal tadi, saya nak anugerah (gelak kecil). Saya duduk depan meja dia jah, tulis biodata sikit, di balai besar tulis ada AMN apa semua tu. "Ouh dah ada AMN nya?" Boleh la SMK, Setia Mahkota Kelantan dia bagi. Pakat tulis gitu je, tak payah isi borang *gapo-gapo* [apa-apa]. Jadi boleh la SMK, Setia Mahkota Kelantan. Okay, itulah saya pun bila balik daripada Amerika ni jadi laku saya. Ingatkan pandai sangat, saya pun tak pandai jugak (gelak kecil). Tapi tak bagitau la kita tak pandai. — Nak buat pesta gendang seribu, rebana seribu di stadium, cari saya. Jadi yang urus semua sekali dia *blako* [semua], pejabat pelancongan *blako* [semua]. Seribu gendang ni macam-macam apa ada, jadi ambik saya untuk jadi *conduct*, jadi ketua. Selain daripada tu pula, saya balik Amerika tu, tahun *sembilan belas lapan puluh lapan* [1988] sampai ke tahun *dua ribu* [2000] tu, banyak tahun juga saya *gi* [pergi] belajar muzik wayang kulit, *gi* [pergi] tempat *ore* [orang] dikir barat *blako* [semua]. Jadi ada menambah pengetahuan, jadi — *demo* [diorang] ambik saya lah untuk *wak* [buat] kiro pasal ada *degree* dari Amerika ni. Kalau *tengok* [lihat] kat rumah saya, banyak _ _ _ _ dalam 30 *butir* [biji]. Tapi *rusing* [risau] tali dia makan diri, putus. Tapi saya masih lagi sayang Kena baiki tu lambat daripada buat yang baru, tukar tali sahaja. Jadi itu dia. Saya pun ada berkenalan juga dengan tokoh muzik di Bunohan tu nama dia Encik Umar. Dia ada kumpulan wayang kulit,

macam-macam boleh, nak Mok Yong ko, mana-mana boleh, sebab dia pandai *belaka* [semua]. Jadi saya pun *gi* [pergi] mana-mana pun saya ikut dia pergi sebab nak dapat ilmu. — Itulah saya menimba ilmu, bukan kata senyap begitu sahaja. Saya nak cari supaya saya ni boleh nak buat kerja, *gi* [pergi] belajar. Kalau tidak, senyap begitu jah. Tidak macam harini bila cikgu muzik sekolah, pernah sekolah tu ada cikgu muzik tapi mintak tolong saya untuk ajar gamelan, ajar apa-apa padahal ada cikgu muzik, tapinya tak guna cikgu muzik. Kalau saya jadi cikgu besar sekolah tu, saya *dera* [buli] cikgu ni, saya *bekeng* [garang] sangat, anak murid saya tahu *bekeng* [garang] saya tu. Nak pandai kena belajar. Lepas jadi cikgu tu, awak kena cari cikgu lagi untuk belajar muzik. Takde, mata pelajaran seronok untuk saya ajar tu muzik. Orang *gi* [pergi] sekolah, semua kena baca buku apa semua. Kita muzik je nyanyi-nyanyi je, seronok pun seronok. Lepastu *popular* jugak kita. Persembahan muzik *gak* [pula] orang tu panggil. *Situ* [disana] panggil buat persembahan, sini panggil untuk buat persembahan, boleh tinggal sekolah pulak. Makan *free* [percuma] dah, tambang *free* [percuma] pula, jadi *popular* kito, laku kitanya. Ada faedah jugak kito *gi* [pergi]. Jadi, saya pun tak berani nak cakap banyak la nanti *baloh* [gaduh] ngan cikgu tu. Tak pandai *gi* [pergi] la cari ilmu, cikgu muzik tapi takleh nak buat *kijo* [kerja]. Budak-budak suka kat kita, kita boleh menghibur, kito pun *popular*. Banyak la faedah nya, tak *boring* [bosan], tapi nak sampai ke peringkat tu usaha, tidakk kata tak pandai tak pandai sebab saya usaha sungguh-sungguh. Okay lepastu — dikir seribu pun saya terlibat juga. Tadi *conduct* gendang serbu, dikir seribu tak sempat nak *conduct* sebab waktu tu tahun *dua ribu* [2000]. Tahun *dua ribu* [2000] tu saya setahun sebelum saya

pencen tu, saya dan kumpulan saya yang Maktab Perguruan Kota Bharu tu dipilih untuk ke Perancis sebulan (bangga). Pergi ke Perancis sebulan untuk buat persembahan. Dia panggil *folklore* [cerita rakyat] festival sebulan di Perancis. Jadi kita bayar tambang daripada Malaysia sampai ke Paris sahaja. Lepas tu dia ambik bas sana, dia *belaka* [semua] tanggung makan apa semua. Selepas tu tiap-tiap kali kita buat persembahan tu ada peruntukan, ada bayaran, simpan duit, nak balik baru dia bagi duit. Jadi baliknya ada duit poket la pula. Jadi hari-hari ada persembahan, malam ada. *Gi* [pergi] buat persembahan depan penonton ramai, beribu-ribu pun ada. Lepas tu di rumah orang tua pun ada, macam-macam. Dia yang atur, kita yang pergi je sebab seronok lah juga. Sebulan tu boleh kata seluruh Perancis kita pergi, seronoknya, memori yang tak dapat dilupakan.

WNM : **Tadi, cikgu cakap tahun 2000 tu dekat dengan cikgu pencen kan. Memang tahun 2000 ke cikgu pencen?**

EGM : Ha ya bulan *sepuluh* [10] tahun *dua ribu* [2000]. Dulu pencen umur *lima puluh lima* [55] jah, bukan *enam puluh* [60]. Jadi, saya pun bagitahu saya daripada budak tak pandai, Allah bagi begitu *special* [istimewa] untuk saya, dengan pingat apa semua. Tapi sebelum pencen tu, saya bagitahu pengetua Maktab Perguruan Kota Bharu, "saya ni, polis bagi dah pingat ke saya, Pingat Bakti, dengan Ahli Mangku Negara, dan Seri Mahkota Kelantan. Ni maktab ni bila nak bagi?" "isi borang lah" jadi saya isi borang, dapat saya empat pingat semuanya _ _ _ _.

WNM : **Tuan mengajar di maktab tu berapa lama? Berapa tahun?**

EGM : Dari satu haribulan lima sembilan belas lapan puluh [1/5/1980] sampai ke *lapan belas haribulan sepuluh tahun dua ribu* [18/10/2000]. Tarikh lahir tu sampai *setakat* [sehingga] tu.

**WNM : Okay kita sudah di bahagian latar belakang Cikgu, pergi ke sejarah dan pengalaman gamelan pula. Saya serahkan kepada Ili Naj'aa untuk bertanya soalan.**

EGM : Okay boleh boleh.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: SEJARAH/PENGALAMAN GAMELAN

**NIN : Boleh tuan ceritakan serba sedikit pasal gamelan ni?**

EMG : Okay, saya sebenar dulu bila tengok gamelan takut saya *hok* [yang] besar-besar pun *lagu mana* [macam mana] la "aku ni bukannya pandai mana alat muziknya". Lepastu masa kursus satu tahun *sembilan belas tujuh puluh empat* [1974] tu sejak *gi* [pergi] Maktab Perguruan Ilmu Khas tak belajar lagi gamelan lepastu pula *gi* [pergi] kursus di — Kuala Lumpur, kursus pula *gi* [pergi] di Maktab Perguruan Batu Pahat. Di situ saya diperkenalkan dengan gamelan dan yang mengurus nasib baik kawan saya lepastu kita kenal di MPIK setahun tu dia menganjurkan kursus gamelan. Jadi

kenal la saya gamelan sikit-sikit, *ore* [orang] lain pandai pada saya lagi. Saya pun tak pandai sangat (bunyi burung) namun demikian rupanya tak *payoh* [susah] gamelan. Kalau mari sini dua tiga hari ataupun berbakat ajar pagi petang tu boleh *wak* [buat] persembahan. Bagi la tiga hari kata nak wak [buat] persembahan, mudah sangat. Jadi, mula-mula takut la kalau *violin* [biola] duk bertahun, dua tiga bulan duk belajar *hoktu* [yang itu] tak tahu lagi *lagumano* [macam mana] main *guitar* ke, gamelan sekejap sahaja boleh main persembahan. Hebat dunia tu *tidok* [tidak] tapi kita tak bagitahu ke orang lain tentang *basic* [asas] yang kita main yang kita tahu *wak* [buat] persembahan bunyi okay la (ketawa) orang tak tahu pun *lagu mana* [macam mana]. Jadi bila saya pencen tahun dua ribu [2000] tu saya ajak kawan saya, anak murid saya la tu di MP KB. Sekarang ni dia jadi nazir di Persekutuan di Kelantan la, nazir sekolah-sekolah. "Marilah kita *gi* [pergi] beli gamelan di Batu Pahat" ni kawan saya. Lepas saya beli dua *butir* [biji] sarong saya beli (tunjuk alat muzik di depan) nak beli banyak *takdok* [tiada] duit, beli dulu situ. Seribu *sor* [satu] seingat saya beli dia *wi* [bagi] dua set tu dua ribu [RM 2000]. Haa pahtu *tamboh* [tambah] sikit-sikit. *Betulan* [kebetulan] pada masa tu saya ni ada set gamelan dari MP Terengganu dah, pasir panjang ke apa tak ingat dah. Ada saya pinjam daripada maktab sana, duk sini tak hantar-hantar *agi* [lagi] sayanya. Jadi ada la set gamelannya daripada beli *hokni* [yang ini] saya guna *hok* [yang] dia dulu. Jadi saya pun oleh kerana nak beli semua tu takdak duit juga la jadi *hoktu* [yang itu] gambar hok kayu tu (tunjuk arah gambar di dinding). Jadi saya dengan kawan saya tu saya kata "nak bilah gambang sahaja", dia *ata* [hantar] mari saya pun bawak *tepak* [tempat] gamelan *hok* [yang] ada sini (tunjuk alat muzik gamelan) *gi* [pergi] rumah

tukang, saya suruh dia *wak* [buat]. Haa itu ekonomi takdak duit. Bukan takdak duit, ada duit tapi nak guna untuk lain lagi. Jadi gitu la, kemudian ada rezeki lagi beli lagi. Jadi boleh *ore* [orang] mari kito belajar, kalu dari *puok-puok* [geng-geng] daripada Chiang Mai (Thailand) mari sini dulu, kito mari sekejap *puok-puok* [geng-geng] dia ramai mari kita ajar main gamelan dia boleh main tu dia duk menari sini *lambo* pula dah (ketawa). Itulah saya mulanyo takut sayanya rupa-rupanya tak payah mana sangat. *Kalu* [kalau] cerdik ada bakat, cerdik tapi takdak bakat takleh main jugak. Dia kena ada bakat mudah.

NIN **Apakah keistimewaan gamelan ini?**

EMG : Keistimewaan gamelannya dia nombor *satu* [1] *ore* [orang] tengok comel la dia ada persembahan gamelan *napok* [nampak] hebat lepastu kita pun buat persembahan tak banyak sangat lagu-lagunya. Ada dua tiga pun *ore* [orang] *kelih* [lihat] comel dengan main disiplin apa semua sekali *ore* [orang] kata okay la. Main depan Raja ke depan Menteri Besar ke, dale Konvo ke takpo bereh. Tapi *hok* [yang] tak istimewanya berat nak angkat la sana sini (pasrah). Istimewa dia mudah la bagi saya lepastu suara dia *okay* jugak la. Kalau sekolah nak main, mari [rumah] saya dulu belajar beberapa hari lepastu biar *staff* [pekerja] dia pun berani nak *wak* [buat] *gi* [pergi] ke sekolah untuk *wak* [buat] persembahan (selesema). Sebab dia rasa lepas dia *wak* [buat] persembahan sudah tu mari hantar selalu.

NIN : **Apa yang membuatkan cikgu tertarik dengan bidang gamelan ini berbanding dengan bidang lain?**

EMG : (Suara burung berkicauan) Sebab saya kata *bakpo* [kenapa] pasal gamelan ni mudah sekali. Kalu nak main alat lain lambat, *payoh* [susah]. Jadi alat lain kita main muzik wayang kulit dengar lagu "Bertabuh", "Ulu Balang", "Pok Dogo" semua sekali. Haa lagu dia lepastu kita gabungkan dengan gamelan. Gamelan dia ada cara dia tapi bagi saya namakan sendiri 'Gamelan Kelantan'. Main lagu "Teng Teng Teng" (sambil menggerakkan jari) gaya sungguh negeri Kelantan lepastu dengan wayang kulit jadi _ _ _ _ Kelantan. Tapi dia beza *nga* [dengan] *hok* [yang] lain gamelan ni kalu *keyboard* [papan kekunci] beberapa lagu boleh main ni *note* dia terhad. Dia ada enam *note* sahaja C-D-E-G-A, dia F dengan B tidak ada. Jadi kalu nak main *sharp flat* tidak ada itu sahaja. Jadi padan la untuk — buat persembahan spontan boleh Kalu kita nak main *hok* [yang] lain, jadi *payoh* [susah] la nak pandai lagipun kita takdak masa sangat jadi buat persembahan menarik *supo tulo* [macam biasa]. *Ore* [orang] tengok nya *napok* [nampak] okay, menarik disiplin molek la puas hati *belaka* [semuanya]. Setakat mana kita main tu semua *ore* [orang] puas hati. Kita pergi main Indonesia pun tengok main lagu gamelan raso *gi* [pergi] tengok di Supermarket Bandung di bawah tu ada dia main gamelan tapi saya rasa gamelan kita sedak [sedap] lagi (ketawa dengan bangga). Dengan *gerobok* [bekas]semua sekali menarik la.

**NIN : Adakah gamelan ni terdiri daripada alat daripada Malaysia ke atau tempat lain juga?**

EMG : Gamelan ni asalnya dari Indonesia, saya pun *gi* [pergi] ke Jakarta mulo nok *gi* [pergi] sangat tempat wak gamelan tapi tak berani nak pergi la *mugo* [ebab] kita takut *gi gi* [pergi-pergi] tak jupa tempat takleh nak balik di Indonesia, di mana tempat saya tidak

